

Falsafah Perkerisan dalam Masyarakat Melayu

KHAMIS MOHAMAD, NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABDUL RAHMAN &
ABDUL LATIF SAMIAN

ABSTRAK

Keris sebagai artifak dalam budaya masyarakat Melayu menganjurkan pelbagai rahsia dan falsafah yang berkaitan dengan pembuatan dan penempaannya. Keunikan yang berada pada keris menampilkan ciri-ciri kekuatan, kehebatan, kemuliaan, kegerunan dan kemestikan yang diperjelaskan menerusi aspek fizikal dan non-fizikalnya. Dalam menyatakan keris, falsafah perkerisan tidak dapat dipisahkan hubung kaitnya dengan klasifikasi, struktur, bilah, ricikan/anatomi dan pamor keris yang direkacipta oleh Empu.

Kata kunci: falsafah, artifak, klasifikasi, struktur, bilah, ricikan/anatomi, pamor

ABSTRACT

As an invaluable artifact in the realm of Malay culture, the Keris stands as a philosophical and mysterious symbol in numerous fields including, but not limited to, the manufacturing and forging process. The inimitable uniqueness is analysed through physical and non-physical attributes of the Keris that includes the distinctiveness of its remarkable strength, profound greatness, decorous standing in society, fearfulness and aspects of mystical elements synonymous with this relic. The philosophy of Keris is closely correlated to the creativity of the Empu in configuring the classification, structure, blade, anatomy, and pamor patency of the Keris.

Key words: philosophy, artifact, classification, structure, blade, anatomy, pamor

PENDAHULUAN

Keris bagi bangsa Melayu merupakan satu senjata ampuh yang boleh menyebabkan maut jika digunakan dalam pertarungan. Walau bagaimanapun, tanggapan umum yang mengatakan keris itu adalah senjata untuk membunuh adalah satu tanggapan yang tersasar dari konsep sebenarnya keris itu diilhamkan. Orang Melayu menganggap keris sebagai

'*azimat*'. Orang Jawa pula mengatakan keris adalah '*tosan aji*' atau '*senjata yang mempunyai kuasa ajaib*' dan memberikan '*kepercayaan dan keyakinan diri dalam meraih nasib baik dan keberuntungan, terlindung dan selamat*' bagi pemiliknya. Oleh itu, satu kekeliruan sesuatu yang dianggap '*azimat*' atau '*satu kuasa ajaib*' dan '*percaya dan yakin diri*' digunakan untuk membunuh, pada hal keris mempunyai nilai seni pembuatan dan kejuruteraan yang tinggi dan tidak ternilai harganya.

FALSAFAH, ADAB DAN RAHSIA

Dalam setiap penciptaan keris, ada tiga perkara yang diformulasikan, iaitu *falsafah, adab dan rahsia*. Bangsa Melayu penuh dengan falsafah (Email Bahari 2009), penuh dengan adab dan penuh dengan rahsia. Falsafah keris dicipta, walaupun bukan dengan niat membunuh, namun keris tetap sebagai senjata (Al-Mudra 2009; Buanadjaya 1998; Duuren 1998; Frey 1988; Gardner 1973; Koesni 1974; Moebirman 1980; Ragil Pamungkas 2007; Shahrums Yub 2006) apabila dikeluarkan dari sarungnya dan apabila keris dihunus dan digunakan, pasti membunuh. Apabila keris dikeluarkan dari sarung atau dipanggil '*pakaiannya*', tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan menjaga maruah tuan empunya dan bukan lagi untuk mempertahankan diri tetapi untuk membunuh. Dengan itu, keris sebagai alat mempertahankan diri dibuat begitu pendek dan pelik untuk dijadikan senjata jika dibandingkan dengan persenjataan Melayu yang lainnya seperti pedang.

Dalam pertarungan atau pertikaman, senjata panjang tidak diperlukan. Apabila bersenjata, senjata tersebut perlu dihindar daripada pandangan musuh untuk tujuan mengelirukan. Hakikatnya, jika nampak, senjata itu boleh dimengertikan sebagai baik atau buruk padahnya. Jika baik, diterima dan jika buruk, dielaknya. Oleh itu, sekiranya keris itu tidak nampak, sukar ditentukan sama ada hendak diterima atau dielak. Keris dicipta dengan cara ditusuk atau ditikam, disampaikan dengan cepat, tidak nampak dan mengeliru serta mengejutkan musuh semasa pertikaman. Itulah antara falsafah keris apabila dikeluarkan dari '*pakaiannya*'.

Dari segi pengamatan, timbul persoalan tentang bilah keris diciptakan dengan bermata tiga. Keris tidak seperti parang, pedang, kelewang, tumbuk lada atau lain-lain persenjataan Melayu. Keris dicipta dengan kedua bilah mata dan hujungnya yang tajam. Sekiranya menyerang atau mengelak serangan, keris yang bermata tiga tetap dapat dilihat oleh empunya.

Jika menyerang atau mengelak ke kiri atau ke kanan atau pun tidak mengelak, mata keris masih boleh dilihat juga. Keris yang bersifat pendek fizikalnya, mudah dicabut apabila diperlukan. Begitulah falsafah keris, elak kena dan tidak dielak pun tetap kena.

Seterusnya, falsafah keris ialah berkaitan dengan kaedah pembuatannya dengan asal-usul kejadian manusia. Penciptaan manusia berdasarkan kepada empat unsur, iaitu tanah, air, api dan angin. Manusia diciptakan daripada tanah dan dilembutkan dengan air yang kemudiannya dibakar dengan api dan seterusnya dihembuskan roh. Para Empu dan pandai besi mengambil iktibar daripada kejadian manusia ini. Bahan baku pembuatan keris seperti besi, baja dan nikel diambil daripada tanah dan diadunkan dengan api dan air semasa proses pembuatannya. Ini diikuti dengan doa atau mentara yang dibuat oleh Empu atau pandai besi dengan ritual-ritual tertentu yang bergantung kepada hajat si pemesan.

Bagi pembuatan dan penempaan bilah keris, Empu atau tukang besi perlu mengambil atau mencari pelbagai jenis besi daripada sembilan (9) daerah sebagai bahan baku. Bahan baku daripada sembilan (9) daerah tadi ditempa berulang-ulang kali untuk dijadikan bilah keris. Setelah bilah siap ditempa, bilah keris '*disepuh*' dengan air yang diambil sekurang-kurangnya daripada tiga (3) kualiti sungai. Bahan baku bilah keris yang dibuat dan ditempa dengan kaedah ini dikenali dengan nama '*Besi 9 Desa*'. Apabila siap disepuh, bilah keris di '*tapa*'kan selama empat puluh empat (44) hari di tempat yang paling tinggi di daerah mana bilah keris ditempa. Falsafahnya, keris yang di '*tapa*'kan di tempat yang paling tinggi memberikan perlambangan bahawa keris itu mempunyai kehebatan yang tidak dapat ditandingi.

Dalam adab permainan keris, pendekar Melayu mempunyai falsafah yang berbeza dari pendekar Jawa. Selepas keris dikeluarkan, keris itu dibawa ke hadapan dan dikucup seraya menyatakan '*ini milikku dan hakku*' oleh pendekar Jawa. Setelah keris dikucup, pendekar Jawa akan meletakkan keris tersebut dipangkal ulu hatinya bagi mendapatkan resepan mistik atau makhluk halus ke dalam tubuhnya. Manakala pendekar Melayu pula mengatakan '*ini Keris. Keris digenggamanku*'. Bagi pendekar Melayu, selepas keris dikucup dan dibawa ke hadapan, melafazkan kata '*semua ini milik Allah*'.

Justeru, pendekar biasanya berfalsafah dengan madah yang dinamakan '*Langkah Hulubalang*' dengan menyatakan:

*'Dengan nafas, aku melangkah
Dengan tari, bunga dan buah
Semua gelanggang telah ku redah*

*Langkah silat tamat lah sudah
Menikam sudah, di tikam sudah
Menumbuk sudah, menendang pun sudah
Langkah hulubalang langkah nya indah
Itulah cara hulubalang bermadah...*

*Kini aku terus melangkah
Ku susun langkah semakin indah
Alam asyik ku tinggal sudah
Langkahan hulubalang semakin gagah
Pandangan ku kini semakin terang
Laksana cahaya memancar gemilang
Sudah terbuka segala penghalang
Tersingkap lah jalan si hulubalang'*

(Yusuf Ghani & Raja Shahrizan Aziddin 2006)

Orang Melayu mempunyai falsafah yang berbeza daripada orang Jawa dalam gaya dan cara pemakaian keris. Umumnya, orang Melayu mensisipkan keris di pinggang, iaitu dibahagian hadapan badan dengan menaruhkan harapan dan ketuahan kepada keris lebih utama daripada diri mereka sendiri. Apabila dilihat dari hadapan, musuh atau lawan sudah berandaian bahawa si pemakai keris sebenarnya sudah siap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Manakala bagi orang Jawa, keris disisipkan dibahagian belakang badan mereka dengan niat untuk sentiasa berwaspada dan keris dicabut daripada sarungnya apabila diperlukan. Lantaran itu, keris yang disembunyikan dibelakang badan juga bertujuan untuk mengelirukan lawan.

Walau bagaimanapun, terdapat persamaan falsafah diantara orang Melayu dan orang Jawa dalam menentukan kedudukan hulu keris semasa disisipkan di pinggang. Apabila hulu keris dihadapkan ke arah badan, iaitu sama ada dibahagian hadapan atau pun belakang si pemakai, ia membawa maksud '*aku datang dengan aman*'. Sekiranya, hulu keris dihadapkan keluar, ia merupakan tanda amaran kepada musuh atau lawan dan memberi pengertian '*aku siap untuk bertarung*'.

Daripada aspek pemakaian keris di alam Melayu khususnya ketika memasuki istana dan menghadap Sultan, hanya keris berhulu *Jawa Demam* dan *Pekaka* sahaja dibenarkan berada di balai rongseri. Hal yang serupa juga berlaku dalam tradisi masyarakat Jawa. Hanya keris bersampir *Ladrang* sahaja yang diizinkan berada di dalam keraton/istana. Bentuk hulu dan sampir seperti mana yang dinyatakan adalah berfalsafahkan kepada keris tersebut melambangkan '*keris istiadat dan beradab*'.

Semasa penempaan keris dibuat, setiap pandai keris atau Empu mempunyai falsafah dalam menampilkan busana pakaiannya. Contohnya, jika menempa keris DiRaja, mereka memakai pakaian serba kuning. Bagi tempaan keris untuk panglima atau pendekar, pakaian serba hitam dan berbengkung merah digayakan dan bagi orang atau rakyat biasa, cukup sekadar mereka berpakaian biasa sahaja.

Dari kaedah pembuatan, bilah keris dicipta dengan falsafah untuk mudah diubahsuai oleh si pemakai. Bagi si pemakai, hulu keris boleh digenggam sama ada menggunakan tangan kanan atau kiri. Caranya ialah dengan meletakkan ibu jari si pemakai pada dapur keris. Oleh itu, keris dicipta dengan berfalsafahkan kepada konsep '*flexisibility*', di mana bilah keris boleh dipusingkan ke kiri atau ke kanan dengan mudah mengikut keperluan. Hulu keris juga boleh dicabut dan bilah keris ditukarkan fungsinya kepada mata tombak atau lembing.

Di kalangan pengamal ilmu kebatinan yang berkaitan dengan silat dan kependekaran, kebiasaannya keris mereka ditempa dengan logam emas atau besi kuning. Falsafahnya, apabila bilah keris ditempa dengan emas atau besi kuning, keris itu mempunyai kekukuhan dan keutuhan fizikal, di samping keampuhan magisnya. Justeru, apabila keris ditusukkan kepada lawan yang berilmu kebal dan tidak lut ditikam dengan senjata tajam, keris pasti membunuh.

Dalam upacara yang dikenali umum sebagai '*cuci dan mandi keris*' yang dibuat pada awal bulan Muharram, berbagai-bagai acara tradisi keris dilakukan. Bulan Muharram dianggap sebagai *bulan ilmu, menuntut ilmu atau membuang ilmu*. Kebiasaannya, keris dicuci, dibersihkan dan dimandikan dengan diikuti ritual-ritual khusus. Ritual-ritual itu dibuat bagi memantapkan *per'isi'an* dan *kedampingan* yang berada dibilah keris. Oleh itu, salah satu daripada falsafah keris ialah keris merupakan tempat atau '*rumah*' di mana khadam diletak dan disimpan dalam hal yang banyak mempengaruhi kekuatan mistik keris.

Dalam menyatakan falsafah keris, Tenas Effendy (2008) dalam '*Keris Dalam Budaya Melayu Riau*' menggariskan sepuluh (10) simbol yang menjadi teras kepada falsafah keris dalam masyarakat Melayu, iaitu:

- (a) Keris sebagai simbol *Tuah dan Marwah* – setiap keris yang baik mengandungi nilai-nilai, kekuatan atau keutamaan tertentu yang dapat menjadi kekuatan batiniah dan lahiriah yang hakikatnya menjadi lambang tuah dan maruah.
- (b) Keris sebagai simbol *Kejantanan* – keris dipercayai memiliki kekuatan yang dapat meningkatkan rasa berani, keperkasaan dan percaya diri yang wujud daripada kejantanan atau kelakian.

- (c) Keris sebagai simbol *Harga Diri* – keris dipercayai mengandungi nilai-nilai harga diri atau kewibawaan pemiliknya.
- (d) Keris sebagai simbol *Jati Diri* – keris dipercayai mengandungi nilai-nilai jati diri pemiliknya dengan kepelbagaian bahan pembuatannya dan simbol-simbol yang terkandung di dalamnya.
- (e) Keris sebagai simbol *Daulat* (Wibawa dan Kekuasaan) – keris mengandungi nilai-nilai dan kekuatan yang dapat mengekalkan daulat, wibawa dan kekuasaan pemiliknya.
- (f) Keris sebagai simbol *Batang Tubuh* – keris dipercayai sebagai Batang Tubuh pemiliknya kerana dalam upacara atau keperluan tertentu dapat menjadi ‘wakil’ pemiliknya.
- (g) Keris sebagai *Senjata* – keris dicipta secara khususnya untuk dijadikan senjata utama.
- (h) Keris sebagai *Penjaga Diri* – keris menjadi penjaga diri, iaitu memelihara diri pemilik dan kaumnya atau keluarganya daripada berbagai-bagai cabaran dan mara bahaya, baik pada lahiriah mahu pun batiniah.
- (i) Keris sebagai *Pembantu* dalam berbagai-bagi bidang – keris memiliki kekuatan atau nilai yang dapat membantu dalam berbagai-bagai bidang hidup seharian.
- (j) Keris sebagai *Pakaian* – oleh sebab keris mempunyai berbagai-bagai keutamaan, nilai dan simbol berserta falsafahnya, maka keris dijadikan ‘pakaian’ sepanjang hidup.

Bagi menceritakan hebatnya falsafah keris, diperturunkan ungkapan daripada sarjana Sutan Takdir Alisjahbana (1961) dalam ‘Puisi Lama’nya bertajuk ‘*Keris Bertuah*’ yang berkaitan dengan semangat atau *jiwa* yang membawa kepada *tuah* dan *sakti*, iaitu:

*‘Keris sempena ganja iras
Rentak diturut panjut putih
Besi dititik besi ditingting
Besi dua laki isteri
Keratan tongkat Nabi Adam
Serpai besi kersani
Bercanai di ulu air
Mengasam ke bilik dalam
Sebulan dagang menggalas
Jejak ditikam mati juga
Sebulan Bugis berenang
Riak ditikam mati juga*

*Setitik darah ke daratan
Setahun padi tak jadi
Setitik darah ke lautan
Setahun ikan tak main'*

(Sutan Takdir Alisjahbana 1961)

Falsafah keris daripada kaca mata orang Melayu bukan sekadar hanya alat mempertahankan diri tetapi berkaitan dengan soal maruah dan prinsip. Hanizah Jonoh (1997) menyatakan seperti mana petikan dalam *Tuhfat Al-Nafis*, bahawa Raja Haji Ahmad & Raja Haji Ali 1982: 280, meriwayatkan tentang kisah Dahing Ringgik (Daeng Ronggek) yang menikam askar Belanda yang cuba merampas keris beliau.

Hanizah Jonoh (1977) juga turut merakamkan kisah atau peristiwa yang sama yang tercatat dalam sejarah Johor pada tahun 1824, iaitu di mana John Crawfurd yang pada masa itu Residen Singapura telah menyuarakan pendapat untuk mengharamkan penggunaan senjata tajam. Cadangan tersebut ditolak oleh Sultan dan Temenggong kerana mereka bagaikan bertelanjang tanpa keris di pinggang (Hill 1956).

FALSAFAH KLASIFIKASI DAN STRUKTUR KERIS

Huraian klasifikasi keris dibuat mengikut aspek geografi. Rangkuman geografi tersebut meliputi Pattani di Selatan Thailand, Semenanjung Malaysia, Pulau Jawa, Pulau Bali dan Lombok, Sumatera, Sulawesi dan Selatan Filipina. Oleh hal yang demikian, penjenamaan klasifikasi keris yang dirangkumi ialah Keris Pattani, Keris Semenanjung, Keris Jawa, Keris Sumatera/Minang, Keris Bali/Lombok, Keris Bugis dan Keris Sundang/Sulok.

Bagi setiap klasifikasi dan struktur keris yang dinyatakan memberikan gambaran falsafahnya yang tersendiri. Huraianya ialah seperti berikut, iaitu:

- (a) Masyarakat Pattani di Selatan Thailand mencipta keris pada zaman Kesultanan Melayu Pattani berfalsafahkan kepada bentuk keris yang bersaiz besar, kuat dan kukuh. Keris yang bersaiz besar, kuat dan kukuh diperlukan dalam mempertahankan Kesultanan mereka daripada serangan musuh, khususnya tentera Siam yang pada ketika itu sedang giat memperluaskan jajahan takluknya secara agresif.

Berdasarkan kepada fungsi keris untuk mempertahankan diri, keris dicipta secara ringkas dan teknik penempanya tidak banyak menonjolkan bentuk pamor yang cantik. Walau bagaimanapun,

hulu Keris Pattani mempamirkan bentuk yang menarik, halus hasil ciptaannya dan unik yang dinamakan sebagai *Hulu Pekaka*. *Hulu Pekaka* ini juga dikenali dengan pelbagai nama mengikut daerah seperti Hulu Coteng, Hulu Bangsa Agong dan Hulu Tajong. Ukiran Hulu Coteng berfalsafahkan kepada rupa bentuk dewa. Hulu Bangsa Agong mempamirkan ukiran yang mempunyai pengaruh Hindu Buddha. Manakala Hulu Tajong berfalsafahkan kepada ciri-ciri Islam dengan bermotifkan bunga dan tumbuh-tumbuhan.

- (b) Bentuk Keris Semenanjung diilhamkan menerusi pembuatan keris yang dikenali sebagai '*tempa Melaka*' dan bertunjangan kepada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Panjang bilah keris antara 10-12 inci, berbentuk luk atau pun lurus. Hulu Keris Semenanjung umumnya mempamirkan bentuk *Jawa Demam*, di samping bentuk-bentuk lain seperti *Hulu Ayam Teleng* dan *Hulu Patah Tiga*.

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, hanya keris yang berhulu *Jawa Demam* dan *Pekaka* sahaja dibenarkan masuk ke dalam perkarangan istana dan merupakan keris istiadat dan beradab. Manakala bagi keris yang berhulukan *Ayam Teleng* atau *Patah Tiga*, keris berhulu tersebut adalah di tegah sama sekali dari masuk ke istana. Hal ini disebabkan kerana keris berhulu *Ayam Teleng* atau *Patah Tiga* dicipta dengan berfalsafahkan untuk tujuan pertikaman.

- (c) Masyarakat Jawa pula mencipta keris dengan pelbagai falsafah yang berkaitan dengan corak kehidupan harian mereka. Dalam alam Melayu, masyarakat Jawa mempunyai falsafah dan etika pembuatan keris yang paling rumit dan terperinci. Struktur, bentuk bilah, ricikan/anatomi dan pelbagai jenama pamor dikaryakan oleh Empu dalam pembuatan dan penempatan Keris Jawa yang berdasarkan kepada alam semulajadi dengan dirangkumi unsur-unsur mistik.

Dalam masyarakat Jawa, keris yang bersampir *gayaman* dilarang masuk ke keraton/istana dengan berfalsafahkan bahawa keris yang bersampir *gayaman* adalah untuk tujuan pertikaman atau pertarungan. Hanya keris bersampir *ladrang* sahaja yang dibenarkan masuk ke istana. Keris bersampir *ladrang* adalah keris istiadat untuk mengadap Raja.

- (d) Dalam masyarakat Minangkabau di Sumatera, penciptaan keris tidak menampakkan banyak perbezaan dengan Keris Semenanjung dan

Keris Bugis, khususnya pada bahagian sampir dan hulu keris. Walau bagaimanapun, Keris Panjang masyarakat Minangkabau begitu terkenal kerana fungsinya. Keris Panjang Minangkabau dicipta dengan berfalsafah untuk membunuh pesalah atau penjenayah yang telah dijatuhkan hukuman mati. Pesalah yang dihukum akan diikat, didudukkan dan keris diletakkan di bahu kiri pesalah sebelum dibenamkan ke tubuhnya. Keris ini juga dikenali sebagai Keris Penyalang/Keris Bahari.

- (e) Masyarakat Bali pada umumnya menempa keris mereka bersaiz besar, panjang dan lebar jika dibandingkan dengan Keris Semenanjung, Keris Minang, Keris Jawa atau pun Keris Bugis. Hal ini disebabkan falsafah penggunaan keris orang Bali agak berbeza dari masyarakat Melayu yang lainnya. Keris Bali digunakan dengan cara *menusuk* dan bukannya dengan cara menikam lawan. Dalam masyarakat Bali, keris dianggap suci, disembah dan didewakan dengan ritual sesaji. Hal yang sama juga diperlakukan ke atas Keris Lombok dari segi bentuk dan saiznya. Namun demikian, unsur pengaruh Islam banyak mempengaruhi Keris Lombok daripada aspek pembuatan dan hiasannya.
- (f) Manakala Keris Bugis pula mempunyai pengaruh yang kuat dalam budaya masyarakat Melayu. Pengaruhnya melebar dari Selatan Sulawesi hingga ke Semenanjung Malaysia, Selatan Sumatera dan kepulauan Riau-Lingga terutamanya daripada segi rekabentuk sampir dan hulu keris. Keris Bugis ditempa pada umumnya berfalsafahkan untuk mempertahankan diri dan pertikaman. Oleh itu bilah keris yang ditempa lebih tebal dan berat bagi mendapatkan kekuatan dan kekukuhan. Walau bagaimanapun, Keris Bugis pada kebiasaannya mempunyai corak pamor yang cantik berserta dengan hiasan yang dinamakan tuli-tuli dan batir yang melambangkan status sosial pemiliknya.
- (g) Dalam menyatakan Keris Sundang/Sulok, falsafah pembuatannya adalah untuk tujuan menetak, memotong atau melibas tali kapal dengan bilah mata yang tebal, lebar dan berat. Hal ini adalah disebabkan oleh masyarakat Sulu pada suatu ketika dahulu merupakan pelayar laut di alam Melayu dan memerlukan senjata yang kuat dan kukuh semasa dalam pelayaran. Selain daripada itu, Keris Sundang/Sulok juga digunakan dalam pertempuran di medan peperangan dan diangkat martabatnya sebagai alat kebesaran DiRaja.

FALSAFAH BILAH KERIS

Bentuk bilah keris dalam masyarakat Melayu mengandaikan pelbagai falsafah dalam pembuatannya, iaitu:

- (a) Bilah keris dicipta berdasarkan kepada falsafah untuk digunakan dengan cara menikam, menyangga dan menusuk lawan. Bilah keris tajam di kedua-dua belah matanya dengan bahagian hujungnya tampak tirus dan tajam. Bilah keris dicipta sebegitu rupa dengan berfalsafahkan kepada apabila dalam pertarungan atau pertikaman, senjata perlu dihindarkan dari pandangan dengan tujuan untuk mengelirukan dan mengejutkan lawan. Keris bermata tiga yang digunakan semasa pertarungan atau pertikaman, tetap dapat dilihat oleh empunya semasa menyerang atau mengelak tikaman lawan.
- (b) Dalam masyarakat Melayu, falsafah pembuatan bilah keris mempunyai pelbagai penjenamaan nama mengikut daerah pembuatannya. Penjenamaan nama-nama bilah keris tersebut adalah berdasarkan kepada bahan baku, bentuk keris yang dicipta dan siapa penempunya. Sebagai contoh, di daerah Pattani dan Kelantan, Keris Malela dibuat dengan menggunakan besi sebatang dan berwarna gelap dengan menampakkan lurah-lurah penempaan yang dalam semasa penempaan, kuat dan kukuh. Keris Pandai Saras diabadikan daripada nama tukang besi pembuatnya yang berasal dari Tanah Jawa yang berhijrah ke Pattani. Keris dari Tanah Jawa dinamakan Keris Jawa dengan pelbagai nama penjenamaannya. Manakala Keris Bugis pula mempunyai pelbagai versi yang dinamakan Keris Selayar Bugis, Keris Bugis Semenanjung dan Keris Bugis (versi Terengganu).
- (c) Daripada reka bentuk bilah keris, umumnya mempamerkan dua jenis reka bentuk, iaitu bilah keris lurus dan bilah keris luk. Bilah keris lurus dicipta dengan berfalsafahkan kepada ianya merupakan ular yang sedang bertapa '*sarpa tapa*'. Empunya bersifat tegas dan berdisiplin tinggi. Apabila dikeluarkan dari sarungnya untuk pertarungan, tidak boleh lagi berbicara dan membunuh dengan cepat dan ringkas. Manakala bilah keris luk pula berfalsafahkan kepada '*sarpa lumuka*', iaitu merupakan ular yang sedang bergerak/menjalur. Keris luk dikatakan boleh membunuh lawan dengan cepat dan kejam. Apabila lawan sudah ditikam/ditusuk, keris itu dicabut dengan cara menyerung ke kiri atau ke kanan dengan tujuan mendapatkan impak tikaman/tusukan yang serius.

- (d) Dalam menyatakan tentang bilah keris luk, falsafah pembuatan dan penempatannya adalah berdasarkan kepada bilangan luk. Sebagai contoh, keris luk (3) ditempa untuk pendekar/panglima, keris luk (5) mencirikan kepetahan berbicara pemiliknya, keris luk (7) melambangkan kewibawaan dan karisma dalam pemerintahan, keris luk (9) mencerminkan kebijaksanaan dan kepimpinan dan keris luk (11) mempamirkan pemiliknya bercita-cita tinggi dalam kemajuan ekonomi dan sosial. Manakala keris luk (13) pula menjurus kepada pemiliknya berani mati dan sanggup mempertahankan apa yang miliknya daripada dirampas tanpa hak.
- (e) Falsafah simbol kesempurnaan kehidupan dalam masyarakat Jawa (Prasida Wibawa 2008) misalnya seperti *curigo* (keris), memberikan impak dalam menyatakan sifat-sifat kejantanan seseorang lelaki yang memerlukan *turangga* (kuda), *wisma* (rumah), *wanita* (perempuan) dan *kukila* (burung). Kesemua simbol-simbol tersebut melambangkan status sosial individu berkenaan dalam masyarakat.
- (f) Bilah keris mempunyai pelbagai motif pembuatannya mengikut kreativiti Empu atau pembuatnya. Sarjana perkerisan Indonesia memberikan pelbagai nama motif pada bilah keris. Contohnya, sarjana Ki Hudoyo Doyodipuro, Occ (1999) memberikan 380 motif Keris Lurus dan 439 motif Keris Luk mengikut *Tanggung*, *Tayuh* dan *Pasikutannya*.
- (g) Bilah keris yang berbentuk '*symmetrical*' hasil ciptaan Empu atau tukang besi membolehkan keris didirikan secara sendirian tanpa ditopang oleh kerana kedua-dua belah bahagian bilahnya mempunyai ukuran yang sama. Bentuk '*symmetrical*' menjadikan bilah keris lebih stabil apabila didirikan yang berfalsafahkan kepada keris ditempa untuk kekuatan, kekukuhan dan kestabilan apabila perlu digunakan.

FALSAFAH RICIKAN/ANATOMI KERIS

Ricikan/anatomi keris menurut Haryono Haryoguritno (2005) merupakan hiasan pada bilah keris yang meliputi (4) bahagian, iaitu bahagian tangkai bilah (pesi/puting), bahagian atas bilah (ganja), bahagian pangkal bilah (sor-soran) dan bahagian tubuh (awak-awakan dan pucuk/hujung bilah). Pada setiap bahagian ricikan/anatomi bilah keris yang dicipta mempunyai falsafahnya yang tersendiri, iaitu:

- (a) Setiap rekaan perlu mempunyai struktur yang sistematik dalam memastikan kekukuhan dan kemantapannya. Begitu juga dengan bilah keris. Bagi mendapatkan kekukuhan dan kemantapan, Empu atau tukang besi menempa bilah keris dengan berfalsafahkan kepada prinsip-prinsip kejuruteraan dengan bahagian tangkai bilah atau *pesi/puting* sebagai asas kekukuhan bilah keris. Tanpa *pesi/puting*, bilah keris tidak akan tegap, hulu tidak dapat dipasangkan dan seterusnya keris itu tidak dapat berfungsi sebagai alat mempertahankan diri.
- (b) Bahagian atas bilah, iaitu *ganja* (juga dikenali sebagai *cicak*) dan bahagian pangkal bilah, iaitu *sor-soran* mempamirkan pelbagai rekabentuk seni halus yang dicipta semasa penempaan. Penjenamaan nama-nama menjelaskan falsafah Empu dalam penempaan dengan mengambil contoh dan menggunakan simbol alam persekitaran semulajadi seperti flora dan fauna, *bungkul* (bawang), *kembang kacang*, *jalen* (taji ayam) dan *tikel alis* (bentuknya mirip alis mata). Rekabentuk *lambe gajah* pula dicipta dan ditempa bagi melambangkan kekuatan dan kegagahan. Manakala rekabentuk *cicak* berfalsafahkan kepada orang yang memakai keris tersebut perlu melihat sekelilingnya dan sentiasa berwaspada pada setiap masa.
- (c) Manakala bahagian tubuh, iaitu *awak-awakan* dan *pucuk bilah* menjelaskan falsafah Empu dalam penempaan misalnya seperti *sogokan* (bentuk alur di bilah keris), *pendhak sategal* (bentuk menajam di kiri dan kanan bilah), *landep* (bahagian yang tajam pada bilah keris) dan *adha-adha* (penempaan yang tebal pada bahagian tengah bilah keris dari pangkal hingga ke hujungnya). Kesemua nama-nama ricikan yang dinyatakan di bilah keris mempunyai falsafah dan perlambangannya yang tersendiri, disamping menjelaskan kreativiti seni halus Empu atau tukang besi yang menempa.

FALSAFAH PAMOR KERIS

Empu atau tukang besi mencipta pamor berdasarkan kepada pelbagai falsafah yang berkaitan dengan gambaran dan corak pamor pada bilah keris. Antara beberapa falsafah penciptaan pamor ialah seperti berikut:

- (a) Pamor adalah bentuk lukisan atau lakaran simbolik yang membawa penjelasan mengenai daya atau kekuatan ghaib yang tersimpul pada bilah keris (Haryono Haryoguritno 2005).

- (b) Setiap bentuk pamor memberikan motif dan perlambangan yang sesuai dengan tujuan, harapan yang tersendiri dan kewibawaan hidup peribadi seseorang individu.
- (c) Bentuk-bentuk pamor merupakan falsafah perlambangan dan harapan tertentu si empunya. Contohnya, pamor yang berbentuk bulat atau lingkaran, melambangkan sifat keduniaan, iaitu harapan untuk mendapat rezeki, ketenteraman dunia, keluarga dan hati si pemilik keris. Pamor yang bersegi empat atau sudut, melambangkan falsafah yang pemiliknya mempunyai daya ketahanan yang baik seperti godaan atau pun serangan berbentuk fizikal dan non-fizikal. Manakala pamor yang mempunyai garis-garis bujur atau melintang di bilah keris, melambangkan fungsi sebagai '*tangkal*' bagi menolak unsur-unsur jahat, guna-guna, penolak bahaya seperti serangan binatang buas atau berbisa (Bambang Harsrinuksmo 2004).
- (d) Dalam masyarakat Melayu umumnya bentuk pamor yang diminati ialah pamor '*wos wutah*' (beras tumpah) dan '*udan mas*' (hujan emas). Pamor '*wos wutah*' paling banyak dijumpai pada bilah keris yang berfalsafahkan kepada keselamatan dan ketenteraman pemiliknya, pencarian rezeki yang melimpah ruah, berwibawa dan pemiliknya disayangi orang. Manakala pamor '*udan mas*' melambangkan pencapaian kekayaan duniawi bagaikan jatuhnya hujan emas. Pamor '*udan mas*' sangat sesuai dan dicari oleh pedagang dan pengusaha dalam memakmurkan perniagaan mereka.
- (e) Setiap perlambangan pamor yang berada pada bilah keris memberikan falsafah yang berbeza dan bersesuaian dengan pemiliknya. Contohnya, bagi keris yang berpamor untuk menjadi pemimpin, tidak sesuai dipakai oleh mereka yang berkedudukan rendah dalam *hierarchy* sesebuah organisasi. Begitu juga keris yang berpamor bagi individu dalam bidang ketenteraan, tidak sesuai dipakai oleh mereka yang menjadi pengusaha atau pedagang.
- (f) Bentuk pamor yang tersisip pada bilah keris memberikan falsafah, krakter dan perlambangan yang perlu dianalisis secara '*tayuhan*' dahulu sebelum memilikinya. Setiap keris mempunyai pengisian, ketuahan atau keburukan tertentu yang perlu difahami daripada pelbagai bentuk pamor yang diciptakan. Sesebuah keris yang baik, sesuai dan mahu '*mendampingi*' seseorang, ianya dinamakan '*perjodohan*' dalam ilmu perkerisan.

PENUTUP

Penulisan falsafah perkerisan dalam artikel ini adalah merupakan sebahagian daripada pelbagai falsafah yang dapat dirakamkan bagi memartabatkan keris dalam masyarakat Melayu. Sejarah keris yang panjang mempamirkan perannya daripada Kesultanan Melayu hinggalah ke era moden yang tidak lekang dengan persoalan kehebatan dan kemistikannya. Oleh hal yang demikian, status dan peranan keris perlu dimertabatkan semula sebelum terhakis oleh arus zaman, disamping mengekang budaya ‘*phobia*’ keris dalam masyarakat Malaysia khususnya dan dunia amnya. Penjelasan warisan budaya bangsa Melayu ini, iaitu KERIS, memerlukan daya jati diri yang kental, telus, ‘*without fear or favour*’ dan disemarakkan tanpa kepentingan golongan atau peribadi tertentu.

RUJUKAN

- Al-Mudra, M. 2009. Melacak asal-usul keris dan perannya dalam sejarah Nusantara. *Sari - Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bambang Harsrinuksmo. 2004. *Ensiklopedi Keris*. Jakarta: Percetakan PT Ikrar Mandiriabadi.
- Buanadjaya, B.S. 1998. *Keris Nusantara – Pamor, Nuansa Estetis & Pesona Esoteris*. Solo: C.V. Aneka.
- Duuren, D.v. 1998. *The Keris – An Earthly Approach to A Cosmic Symbol*. Wijk en Aalburg, The Netherlands: Pictures Publishers.
- Frey, E. 1988. *The Keris: Mystic Weapon of the Malay World*. Singapore: Oxford University Press.
- Gardner, B.B. 1973. *Keris and Other Malay Weapons*. East Ardsley, Wakefield: EP Publishing Limited.
- Hanizah Jonoh. 1977. *Senjata-Senjata Di Zaman Kesultanan Melayu Johor*. Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Johor/Bosshouse Sdn. Bhd.
- Haryono Haryoguritno. 2005. *Keris Jawa – Antara Mistik dan Nalar*. Jakarta: PT Jayakarta Agung Offset.
- Hill, A.H. 1956. The keris and other Malay weapons. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* XXIX: 16.
- Ki Hudoyo Doyodipuro, Occ. 1999. *Keris: Daya Magic-Manfat-Tuah-Misteri*. Jakarta: Penerbit Dahara Prize.
- Koesni. 1974. *Pakem – Pengetahuan Tentang Keris*. Semarang: Penerbit Aneka Ilmu.
- Moebirman. 1980. *Keris – Senjata Pusaka*. Jakarta: Yayasan ‘Sapta Karya’.
- Ragil Pamungkas. 2007. *Mengenal Keris – Senjata ‘Magis’ Masyarakat Jawa*. Yogyakarta: Penerbit NARASI.
- Shahrum Yub. 2006. *Mata Keris & Bentuknya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sutan Takdir Alisjahbana. 1961. *Puisi Lama*. Jakarta: PT Pustaka Rakjat.

- Tenas Effendy. 2008. Keris dalam budaya Melayu Riau. Seminar Keris Nusantara: Bengkel Keris Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 13-14 November.
- Yusuf Ghani & Raja Shahrman. 2006. *Gerak Langkah*. Kuala Lumpur: Pelita Hati Sdn. Bhd.

*Khamis Mohamad, MPA
Pelajar Ph.D.
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: bmkhamis51@yahoo.com*

*Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Ph.D.
Felo Utama
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: nahas@ukm.my*

*Abdul Latif Samian, Ph.D.
Profesor
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: latif@ukm.my*

